

## COVID 19: KEBERKESANAN SEMINAR PEMBANGUNAN PERSONALITI BERSAMA INDUSTRI DALAM MEMBANTU PELAJAR MEMBINA KEMAHIRAN INTERPERSONAL

Norazean Miswat<sup>1</sup>, Hasmaini Hashim<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Politeknik Port Dickson, Malaysia

[nurazr78@yahoo.com](mailto:nurazr78@yahoo.com)

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Masjid Tanah, Malaysia

[Hasmainie@gmail.com](mailto:Hasmainie@gmail.com)

**Abstract:** Interpersonal skill is among the salient skills needed in the working environment. Due to these necessities, JPKK ensures to develop a syllabus along with CLO, based on industries requirement. JPKK always opens their space and opportunities for industry involvement in the learning and teaching process. Unfortunately, covid-19 hit us badly, a lot of skill matters cannot be implemented effectively, it causes lack of effective communications, lead to low self-esteem and limited skills among students. Accordingly, a personality development seminar was held with industry involvement, n=73 participation from Secretarial Science Diploma students. The objective of the study is to evaluate the level of interpersonal skills students Diploma in Secretarial Science Polytechnic Port Dickson on a personality development program to meet the needs of the industry during a pandemic Covid-19 and measuring the level of effectiveness of personality development programs among Port Dickson Polytechnic's Diploma in secretarial science students. The questionnaire consisted of 2 constructs with 10 question items were distributed to the respondents, 2 item constructs with ten questions distributed. Quantitative data were analyzed descriptively used mean scores, standard deviations, and one-way ANOVA. The study found the average height of students' interpersonal skills (mean = 3.7), as well as the effectiveness of the personality development program (mean = 3.6). However, there were no significant differences in perceptions about the effectiveness of personality development programs between semesters. These results are based on one-way ANOVA. It indicates the seminars with industry involvement conducted had a positive impact on the respondents. Respondents felt that the information provided added to existing interpersonal skills, that they may not be aware of due to changes in learning styles. It became one attribute of an added value at a time when the new norm becomes a way of life.

**Key word :** *Interpersonal, CLO, personality development, Covid-19*

**Abstrak:** Kemahiran interpersonal merupakan antara kemahiran yang diperlukan dalam dunia pekerjaan. Memahami keperluan ini, pihak JPKK umumnya menitik beratkan pembinaan sukanan pelajaran yg mempunyai nilai cemerlang dengan meletakkan CLO berdasarkan keperluan industri, malahan JPKK sentiasa membuka ruang dan peluang untuk penglibatan industri dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Namun disebabkan pandemic Covid-19, banyak hal-hal kemahiran yang tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Hal ini menyebabkan pelajar kurang berkomunikasi dengan baik, kurang keyakinan diri dan kemahiran yang terbatas. Sehubungan itu satu seminar pembangunan personaliti telah diadakan dengan penglibatan industri secara langsung, seramai n=73 orang pelajar wanita Diploma Sains Kesetiausahaan yang terlibat. Objektif kajian adalah meninjau tahap kemahiran interpersonal pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan Politeknik Port Dickson terhadap program pembangunan personaliti dalam memenuhi keperluan industri sewaktu pandemic Covid-19 dan mengukur tahap keberkesanannya program pembangunan personaliti di kalangan pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan Politeknik Port Dickson. Soalan soal selidik terdiri dari 2 konstruk dengan 10 item soalan telah diedarkan kepada responden. dengan 2 konstruk item dengan sepuluh soalan diedarkan. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan skor min, sisihan

piawai dan Anova sehala. Hasil kajian dapatati tahap kemahiran interpersonal pelajar sederhana tinggi iaitu ( $\text{min}=3.7$ ), begitu juga dengan tahap keberkesanan program pembangunan personaliti iaitu ( $\text{min}=3.6$ ). Walau bagaimana pun tiada perbezaan persepsi yang signifikan tentang keberkesanan program pembangunan personaliti bagi diantara semester, ini berdasarkan perkiraan Anova sehala. Hal ini menunjukkan seminar dengan penglibatan industri yang dijalankan memberi kesan yang positif kepada responden. Malahan responden merasakan maklumat yang diberi menambah kemahiran interpersonal sedia ada yang mungkin mereka tidak sedari disebabkan perubahan cara pembelajaran. Ini menjadi salah satu attribute yang menjadi nilai tambah di kala norma baru menjadi sebahagian cara hidup kini.

*Kata Kunci : Interpersonal, CLO, pembangunan personality, Covid-19*

## 1. Pengenalan

Politeknik merupakan institusi pendidikan tinggi yang menerapkan TVET atau Latihan teknikal dan vokasional dibawah kelolaan kementerian Pendidikan tinggi Malaysia. Selari dengan matlamat TVET, demi melahirkan garduan bersifat holistik(Hilmun Mohameda, Zaihasra Rukimana, n.d.; Jabatan Pengajian Politeknik, 2013; Mohd Faeez Ilias, Ahmad Shafiq Mat Razali, Mohd Izzuddin Mohd Pisal, 2016; Samad et al., 2019) penglibatan industri dilihat memberi impak yang positif. Sehubungan itu, latihan industri satu pendekatan yang penting kerana ia mampu memberi pelajar pendedahan awal kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan oleh pihak industri. Namun dengan kehadiran Covid-19 segalanya berubah. Corak pembelajaran konvensional dan cara hidup perlu bersesuaian dengan norma baru bagi mengkekang penyebaran virus Covid-19 (Abdillah & Musa, 2021; Abu Hassan et al., 2021; Jafar et al., 2020)

Bagi pelajar Diploma sains kesetiausahaannya, pembangunan personaliti adalah amat penting. Ia bertujuan membentuk kemahiran interpersonal yang mapan(Pelaksanaan, 2021). Kemahiran interpersonal melibatkan kemahiran berkomunikasi, berinteraksi dan bekerja dengan berkesan secara berkumpulan atau individu(Baumert et al., 2017; Ianalisa et al., 2019; Ibrahim & Mahbob, 2021; Mohd Faeez Ilias, Ahmad Shafiq Mat Razali, Mohd Izzuddin Mohd Pisal, 2016; Raudhah Ali, 2017; Wardope, 2015). Mata pelajaran *personality development* merupakan mata pelajar wajib bagi pelajar DSK dan diajarkan secara formal di Politeknik. Ini selaras dengan keperluan CLO yang telah ditetapkan Namun penglibatan industri secara terus kepada pelajar memberi satu nilai tambah tambah yang positif. Malahan pelajar dapat menyiapkan diri dalam menghadapi persaingan didunia pekerjaan

## 2. Sorotan Kajian

### 2.1 CLO dan kemahiran interpersonal


Politeknik secara dasarnya, menjayakan TVET yang telah diselaraskan dengan kerangka Revolusi Industri 4.0 (IR4.0)(Hilmun Mohameda, Zaihasra Rukimana, n.d.; Jabatan Pengajian Politeknik, 2013). Namun pada tahun 2020 dan 2021 berlakunya norma baru yang berpunca dari pandemic Covid-19. Proses pembelajaran berubah rupa dengan mengadaptasi pembelajaran secara atas talian hampir sepenuhnya. Namun melalui kajian mendapat pelajar lebih gemar dengan pelaksanaan dan pembelajaran secara bersemuka(Abu Hassan et al., 2021).

Kemahiran interpersonal merupakan satu keperluan yang dititik beratkan oleh pihak industri. Malahan kemahiran ini juga dipengaruhi oleh persepsi masyarakat (Mohd Faeez Ilias, Ahmad Shafiq Mat Razali, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, 2016; Raudhah Ali, 2017). Bertitik tolak dari ini, Diploma Sains Kesetiausahaan menerapkan kebolehan interpersonal sebagai mana yang terdapat didalam setiap lembar silibusnya berasaskan CLO atau *course learning outcome* (Jabatan Pengajian Politeknik, 2013). Jadual 1 menunjukkan ringkasan CLO yang digunakan.

Jadual 1 : Ringkasan CLO (Jabatan Pengajian Politeknik, 2013)

Item	CLO
Celik teknologi	1
Komunikasi berkesan	2
Kerja berpasukan	3
Polisi, prosedur dan peraturan	4
Etika profesional	4
Pelaporan	5

Kerangka ini dibangunkan bagi memenuhi keperluan industri dengan melengkapkan pelajar dengan keperluan ilmu yang holistic, tidak hanya aspek akademik tetapi dari pelbagai aspek seperti kemahiran insaniah, kemahiran kognitif dan kemahiran spatial (berkaitan dengan visualisasi)(Raudhah Ali, 2017). Bagi mendapatkan impak yang berkesan berkesan, proses pembelajaran memerlukan method yang kreatif. Malahan penglibatan item atau individu secara langsung memberi persepektif yang baru kepada pelajar(Norzira Binti Ahmad, 2019). Pelajar yang belajar dalam suasana positif akan meningkatkan keyakinan.(Coghlan & Jacobs, 2005) Coghlan & Jacobs, (2005) mengetengahkan Model Kurt Lewin (Rajah 1) sebagai asas dalam kajian tindakan. Model ini mengetengahkan lingkaran kajian tindakan. Model ini digunakan apabila masalah atau isu kajian telah dikenalpasti oleh pengkaji. Bersama dengan ini model kompetensi *Ice berg* juga digunakan dalam menangani masalah berkaitan kemahiran interpersonal.



Rajah 1 :Action research model (Lewin, 1951)

Model kompetensi *Ice berg* digunakan bagi mengisi jurang keperluan yang diperlukan oleh pelajar. Masalah yang telah dikenalpasti diperbaiki bukan sahaja dengan subjek formal, tetapi juga dengan lebih menyeluruh(Abbas, 2018). Kajian Ianalisa Ghazali, (2019) dan Shafarizan Abd Samad, (2019) meyimpulkan keutamaan dalam mengetahui tentang personaliti, keberkesan dan kemahiran generic yang dimiliki(Ianalisa et al., 2019; Samad et al., 2019). Hal ini boleh dicapai dengan penerapan kemahiran sedia ada ditambah dengan rangsangan yang sesuai dalam proses pembelajaran. Hasil gabungan ini menjadi atribut kepada pendekatan jurang antara pelajar dan industri.

## 2.2 Latar belakang masalah

Satu seminar pembangunan diri diadakan. Berdasarkan maklumat awal sebelum seminar dijalankan, pelajar telah memberi maklum balas mengenai apa yang mereka faham mengenai *personality development* atau pembangunan personaliti. Sebahagian dari pelajar memaklumkan, mereka sekadar mengikut keperluan kursus. Ini memberi impak yang tidak baik terhadap persediaan pelajar menghadapi persaingan dunia pekerjaan. Malahan Lee (2014), mencadangkan pelajar meningkatkan aspek komunikasi, agar dapat meningkatkan pencapaian akademik sendiri dan sebagai persediaan menghadapi dunia pekerjaan. Namun disebabkan pembelajaran secara maya, kemahiran pelajar terhadap kemahiran interpersonal iaitu aspek komunikasi menjadi agak lemah terutama didalam gaya pembelajaran. Dengan norma baru, dimana pergerakkan pelajar terbatas dan banyak kerja-kerja diatas talian yang dilakukan.

Dalam usaha memastikan graduan dan pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan berdaya saingan dan berkeyakinan. Pembelajaran secara maya telah dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Namun perubahan keperluan industri, sepanjang norma baru. Ini menyebabkan pelajar agak samar dengan keperluan industri dari segi pembangunan personaliti. Segala keperluan dan proses kerja dijalankan secara diatas talian. Disebabkan banyak keperluan dijalankan secara atas talian, banyak hal yang tidak dapat dilakukan oleh pelajar. Ini menyebabkan pelajar kurang keyakinan diri dalam menghadapi dunia pekerjaan dan persepsi majikan.

## 2.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif seperti berikut :

1. Meninjau tahap kemahiran pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan Politeknik Port Dickson terhadap pembangunan personaliti dalam memenuhi keperluan industri sewaktu pandemic covid-19?
2. Mengukur tahap keberkesanan program pembangunan personaliti di kalangan pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan Politeknik Port Dickson.


## 2.4 Persoalan kajian

1. Mengenalpasti tahap Kemahiran interpersonal pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan Politeknik Port Dickson terhadap pembangunan personaliti dalam memenuhi keperluan industri sewaktu pandemic covid-19?
2. Mengenalpasti tahap keberkesanan program pembangunan personaliti di kalangan pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan Politeknik Port Dickson?
3. Adakah terdapat perbezaan persepsi terhadap keberkesanan program pembangunan personaliti bagi setiap semester pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan Politeknik Port Dickson

## 3. Metodologi kajian

### 3.1 Kaedah kajian

Satu seminar pembangunan personaliti telah diadakan pada 6 April 2021, secara atas talian di sebabkan pandemic Covid-19, yang melibat 73 orang pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan, Politeknik Port Dickson iaitu pelajar semester 2,3 dan 5. Seminar telah disampaikan oleh pihak industri dengan topik pembangunan personaliti. Pelajar telah dibekalkan dengan makluman awal mengenai seminar yang bakal diadakan.




Rajah 2 : Kerangka teori

Rajah 2 menunjukkan IV dan DV kajian. Seminar yang diadakan digunakan sebagai IV atau pemboleh ubah tak bersandar bagi menilai tahap kemahiran interpersonal (DV) dan keberkesanan program seminar pembangunan personaliti di kalangan pelajar DSK Politeknik Port Dickson.

### 3.2 Responden

Seramai n=73 orang pelajar wanita DSK PPD yang terlibat dalam seminar ini. Semester yang telibat adalah semester 2, semester 3 dan semester 5. Semester 1 dan semester 4 terlibat dengan program anjuran pengajian pengajian am. Pecahan semester adalah seperti berikut sem 2 (29), sem 3 (20) dan sem 5 (24) seperti di Rajah 3.



Rajah 3 : Pecahan semester (n=73)

### 3.3 Instrumen

Kaedah soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Soalan soal selidik terbahagi kepada 2 bahagian iaitu demografi dan tinjauan. Soalan tinjauan mempunyai 2 item, item 1. kemahiran interpersonal iaitu mengadaptasi kemahiran kerja, berkomunikasi, bekerjasama, menggunakan peralatan pembelajaran, mendengar dengan baik dan membentangkan laporan/hasil. Manakala Item 2. keberkesanan program seminar pembangunan personaliti. Bahagian tinjauan terdiri daripada 2 konstruk dengan 10 item. Konstruk yang pertama ialah kemahiran interpersonal iaitu mengadaptasi kemahiran kerja, berkomunikasi, bekerjasama, menggunakan peralatan pembelajaran, mendengar dengan baik dan membentangkan laporan/hasil. Manakala konstruk kedua ialah keberkesanan program seminar pembangunan personaliti.

Jadual 2 : item Konstruk 1 : Kemahiran interpersonal

	Item Soalan	n
Item Konstruk Item 1 : kemahiran interpersonal	Saya dapat mengadaptasi kemahiran kerja kepada hasil pembelajaran	73
	Saya boleh berkomunikasi dengan orang luar	73
	Saya berkemahiran menggunakan peralatan (tools)	73
	Saya berkemahiran mendengar dengan baik	73
	Saya berkemahiran membentangkan laporan/hasil	73

Bagi item 2a, soalan adalah mengenai keberkesanan Seminar yang diberi. Soalan di item 2 adalah seperti dberikut :

Jadual 3: Item Konstruk 2 : Keberkesanan program seminar pembangunan personaliti

	Item soalan	n
Item Konstruk 2 : Keberkesanan program seminar pembangunan personaliti	Saya boleh bekerjasama dalam kumpulan dan orang luar	73
	Saya berjaya mengingkatkan kreativiti diri	73
	Saya berupaya mengurus masa	73
	Saya berpendapat lawatan/latihan yang diterima di sini sesuai dengan bidang yang saya pelajari di Politeknik	73
	Saya mengesyorkan organisasi ini sesuai untuk pelajar datang pada masa akan datang	73

Pembinaan soalan berdasarkan 5 item CLO (Jadual 1) . Objektif kajian adalah meninjau tahap kemahiran pelajar DSK dan keberkesanan program pembangunan personaliti di kalangan pelajar DSK dalam memenuhi keperluan industri. Jadual 4 menunjukkan ukuran skor min yang digunakan.

Jadual 4 : Ukuran skor min (Nunnally 1997)

Skor min	Penjelasan Skor
1.01 - 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana rendah
3.01 – 4.00	Sederhana tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

#### 4. Analisis data dan perbincangan dapatan kajian.

Pada bahagian ini, hasil analisis data dari kaedah kuantitatif. Hasil kajian dibentangkan, dianalisis dan dibincangkan berdasarkan kandungan kajian. Data dianalisis dengan menggunakan analisis min, sisihan piawai dan t-test.

##### 4.1 Persoalan kajian pertama

Persoalan kajian pertama : Mengenalpasti tahap kemahiran interpersonal pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan Politeknik Port Dickson terhadap pembangunan personaliti dalam memenuhi keperluan industri?.

Jadual 5 : Nilai min bagi item 1

	Item Soalan	n	min
Item Konstruk 1 : kemahiran interpersonal	Saya dapat mengadaptasi kemahiran kerja kepada hasil pembelajaran	73	3.7
	Saya boleh berkomunikasi dengan orang luar	73	3.4
	Saya berkemahiran menggunakan peralatan (tools)	73	3.5
	Saya berkemahiran mendengar dengan baik	73	3.7
	Saya berkemahiran membentangkan laporan/hasil	73	3.4

Hasil dapatan yang diperolehi bagi objektif yang pertama ialah setiap soalan di item 1, menunjukkan kesemua elemen kemahiran interpersonal berada pada tahap sederhana tinggi seperti yang terdapat di Jadual 5. Nilai tertinggi adalah pelajar mempunyai kemahiran membentangkan laporan dan dapat mengadaptasi kemahiran kerja kepada hasil pembelajaran. Kedua-dua item ini mempunyai nilai min yang sama iaitu (min=3.7).

Jadual 6 : Penentuan tahap kemahiran interpersonal pelajar DSK terhadap seminar pembangunan personaliti

Item 1	n	Min	Sisihan piawai
Kemahiran interpersonal	73	3.35	0.448

Nilai min keseluruhan item dalam konstruk 1 adalah (min=3.35) iaitu sederhana tinggi dengan sisihan piawai 0.448. Ini menunjukkan tahap kemahiran interpersonal pelajar berada dalam keadaan baik. Pelajar memberi maklumbalas bahawa mereka dapat menggunakan kemahiran interpersonal dengan baik. Dapatkan ini menunjukkan pelajar bersedia mengaplikasikan kesemua kemahiran sedia ada. Malahan seminar yang dianjurkan dilihat sebagai satu atribut pemangkin dalam meningkatkan kemahiran interpersonal sedia ada pelajar. Hasil dapatan ini disokong oleh kajian lepas di mana kemahiran interpersonal yang cemerlang mampu membentuk keyakinan dan cara berlomunikasi berkesan. Malahan pada masa yang sama kemahiran interpersonal yang cemerlang kebiasanya menghasilkan pencapaian akademik yang cemerlang. Ini merupakan nilai tambah kepada portfolio pelajar.(Abdull\_Shukur\_Shaari, n.d.; Abu Hassan et al., 2021; Hashim et al., 2021; Ianalisa et al., 2019; Ibrahim & Mahbob, 2021; Pelaksanaan, 2021; Samad et al., 2019).

Persoalan kajian yang kedua : Mengukur tahap keberkesanan program seminar pembangunan personality di kalangan pelajar DSK.

**Jadual 7 : Nilai min bagi item 2**

	Item soalan	n	min
Item Konstruk 2 :  Keberkesanan program seminar pembangunan personaliti	Saya boleh bekerjasama dalam kumpulan dan orang luar	73	3.4
	Saya berjaya mengingkatkan kreativiti diri	73	3.5
	Saya berupaya mengurus masa	73	3.6
	Saya berpendapat lawatan/latihan yang diterima di sini sesuai dengan bidang yang saya pelajari di Politeknik	73	3.7
	Saya mengesyorkan organisasi ini sesuai untuk pelajar datang pada masa akan datang	73	3.8

Jadual 7 menunjukkan tahap keberkesanan program seminar pembangunan personaliti di kalangan pelajar DSK. Nilai min bagi kesemua item dalam konstruk 2 adalah sederhana tinggi. Item pelajar mengesyorkan organisasi atau pihak industri untuk memberi lagi seminar kepada pelajar dimasa-masa akan datang, ini ditunjukkan dengan nilai (min= 3.8) (sederhana tinggi), manakala bagi Latihan yang diterima sesuai dengan bidang yang dipelajari, nilai (min=3.7).

**Jadual 8 : Penentuan tahap keberkesanan program pembangunan personaliti di kalangan pelajar DSK.**

Item Konstruk 2	n	Min	Sisihan piawai
Keberkesanan program	73	3.6	0.385

Nilai min keseluruhan item 2, menunjukkan keberkesanan program berada pada sederhana tinggi dengan nilai min= 3.6 dan sisihan piawai 0.385. Secara dasarnya, program ini berkesan dalam meningkatkan kemahiran interpersonal pelajar DSK. Pelajar mendapati seminar ini berkesan kerana pihak industri memberi input-input yang mereka perlukan. Dapatkan ini juga menunjukkan penglibatan industri dalam memberi kesan yang signifikan kepada pelajar. Ini mungkin disebabkan oleh tips-tips yang diberikan oleh pihak industri berkenaan dunia pekerjaan selain dari yang diperolehi oleh pelajar di dalam kelas secara formal. Hasil dapatan ini disokong oleh kajian lepas di mana sebarang penambahbaikan terutamanya yang melibatkan proses pembelajaran mampu menghasilkan nilai tambah yang positif. Malahan dengan penglibatan industri, pelajar dapat mengenalpasti attribute yang diperlukan untuk menjadi lebih cemerlang di pelbagai lapangan (*Abdull\_Shukur\_Shaari, n.d.; Hilmun Mohameda, Zaihasra Rukimana, n.d.; Ianalisa et al., 2019; Norzira Binti Ahmad, 2019; Samad et al., 2019*)

Persoalan kajian ketiga : Adakah terdapat perbezaan persepsi terhadap keberkesanan program pembangunan personaliti bagi setiap semester pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan Politeknik Port Dickson.

Sungguhpun penyertaan bagi seminar ini merentasi semester, berdasarkan Jadual 9, ujian Aova sehala, mendapati tiada perbezaan yang signifikan diantara semester (nilai  $P>0.05$ ). Ini mungkin disebabkan setiap pelajar merasakan peluang Bersama industri sangat bernilai dan menjadi nilai tambah sebagai persediaan dunia pekerjaan yang sebenar. Hasil dapatan ini disokong oleh kajian lepas di mana pelajar merasakan program yang dianjurkan, lebih-lebih lagi melibatkan industri sangat memberi nilai tambah kepada mereka. Malahan penglibatan industri adakalanya merentas keperluan formaliti mereka, iaitu tiada keperluan untuk nilai pemarkahan. Namun mereka merasakan ia sebagai penyumbang kepada pengalaman tidak formal mereka. (Abu Hassan et al., 2021; Hilmun Mohameda, Zaihasra Rukimana, n.d.; Mohd Faeez Ilias, Ahmad Shafiq Mat Razali, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, 2016; Norzira Binti Ahmad, 2019; Samad et al., 2019)

Jadual 9: Ujian ANOVA persepsi dikalangan pelajar berlainan semester terhadap seminar pembangunan personaliti

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	.095	2	.047	.313	.732
Within Groups	10.605	70	.152		
Total	10.700	72			

## 5.0 Kesimpulan

Secara umumnya program seminar seperti ini adalah berkesan dalam meningkatkan kemahiran interpersonal pelajar. Ditambah dengan norma baru, pelajar sukar untuk mengekspresikan kemahiran mereka secara optimum. Dengan program seperti ini pelajar boleh membuka luas sudut pandang mereka. Ini secara tidak langsung menjadi nilai tambah kepada pelajar didalam pasaran pekerjaan sesuai untuk pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan. Penglibatan pihak industri secara terus amat membantu pelajar, dalam memenuhi keperluan pihak industri. Malahan dapat mengukuhkan lagi pengetahuan sedia ada pelajar serta meningkatkan kemahiran interpersonal pelajar dalam menghadapi persaingan dunia pekerjaan.

Daripada tinjauan dan pemerhatian, pengkaji membuat kesimpulan pelajar memerlukan satu pakej rangsangan dalam merangsang kemahiran interpersonal pelajar. Rangsangan ini boleh diperolehi dari program-program Bersama industri. Keadaan ini ditambah lagi dengan kehadiran virus covid-19 yang menukar corak pembelajaran dan cara hidup masa kini.

Penglibatan industri dalam melestarikan dunia Pendidikan dilihat sebagai satu atribut yang dapat meningkatkan kecemerlangan pelajar. Didalam kesuraman pengajian atas talian, penglibatan industri memberi

## Rujukan

- Abbas, R. (2018). Kompetensi interpersonal dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP): satu analisis. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 1(4), 106–121.
- Abdullah, N. A., & Musa, M. (2021). Student Readiness To Teaching and Learning (Pdp) New Norm in the Department of Information & Communication Technology (Jtmk), Polytechnic Sultan Mizan Zainal Abidin (Psmza). *International Journal of Modern Education*, 3(8), 114–124. <https://doi.org/10.35631/ijmoe.380010>
- Abdull\_Shukur\_Shaari*. (n.d.).
- Abu Hassan, S. A., Zainol Abidin, S., & Hassan, Z. (2021). Keberkesanan Pembelajaran Dan Pengajaran Dalam Talian (E- Pembelajaran) Terhadap Pembelajaran Pelajar Di Kolej Komuniti Hulu Langat. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 2(10), 1–14.
- Baumert, A., Schmitt, M., Perugini, M., Johnson, W., Blum, G., Borkenau, P., Costantini, G., Denissen, J. J. A., Fleeson, W., Grafton, B., Jayawickreme, E., Kurzius, E., MacLeod, C., Miller, L. C., Read, S. J., Roberts, B., Robinson, M. D., Wood, D., & Wrzus, C. (2017). Integrating Personality Structure, Personality Process, and Personality Development. In *European Journal of Personality* (Vol. 31, Issue 5, pp. 503–528). John Wiley and Sons Ltd. <https://doi.org/10.1002/per.2115>
- Coghlan, D., & Jacobs, C. (2005). Kurt Lewin on reeducation: Foundations for action research. *Journal of Applied Behavioral Science*, 41(4), 444–457. <https://doi.org/10.1177/0021886305277275>
- Hashim, H., Hasmaini, H., & Norazean, M. (2021). MENEROKA PERSEPSI MAJIKAN TERHADAP KOMPETENSI PELAJAR BAGI PROGRAM TEKNIKAL DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) SEMASA PANDEMIK COVID-19. *E-Proceedings of the National Technology Research in Engineering, Design and Social Science Conference (NTrends'21)*.
- Hilmun Mohameda, Zaihasra Rukimana, N. S. M. M. N. (n.d.). *Kesesuaian Kurikulum Kursus DPA1013 Fundamentals of Accounting*.
- Ianalisa, G., Azlina, M. K., & Zanariah, I. (2019). Faktor Personaliti dan Kepuasan Kerja dalam kalangan Anggota Pasukan Gerakan Am (PGA), Polis Diraja Malaysia di Selangor. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(3), 114–127.
- Ibrahim, N. A. N., & Mahbob, M. H. (2021). Keterampilan Peribadi Pelajar Sebagai Satu Bentuk Kemahiran Komunikasi dan Kepentingannya dalam Pasaran Dunia Pekerjaan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 37(1), 209–226. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2021-3701-12>
- Jabatan Pengajian Politeknik. (2013). *Manual Pembangunan Kurikulum Program Pengajian Politeknik*.
- Jafar, M. F., Amran, Z. A., Yaakob, M. F. M., Yusof, M. R., & Awang, H. (2020). Kesediaan pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid 19. *Seminar Darul Aman, November*, 404–411.
- Mohd Faeez Ilias, Ahmad Shafiq Mat Razali, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, dan M. S. S. (2016). Kemahiran Interpersonal Sebagai Asas Pembentukan Kemahiran Bermasyarakat. *Conference of Moslem Society, January 2017*. <https://www.researchgate.net/publication/312032456>
- Norzira Binti Ahmad. (2019). Keberkesanan Kaedah SINGONIM Dalam Membantu Pelajar

- Mengingat 13 Rukun Solat. *International Innovation InTeaching and Learning & Language Education Conference*, 140–153.
- Pelaksanaan, U. P. (2021). *Pengaruh Faktor Personaliti Pengurus Projek dalam Projek Pembangunan Influence of Project Managers ' Personality Factor in Development Projects*. 91(1), 181–194.
- Raudhah Ali. (2017). *Kemahiran Interpersonal dan Intrapersonal dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. 1–35.  
[http://prosiding.upgris.ac.id/index.php/fip\\_2017/fip2017/paper/viewFile/1315/1292](http://prosiding.upgris.ac.id/index.php/fip_2017/fip2017/paper/viewFile/1315/1292)
- Samad, S. A., Othman, M. K., & Kasa, M. D. (2019). Pembangunan Kerangka Konseptual Kajian Aspirasi Kerjaya Pelajar TVET Kolej Komuniti di Malaysia. *MALIM: JURNAL PENGAJIAN UMUM ASIA TENGGARA (SEA JOURNAL OF GENERAL STUDIES)*, 20, 64–73.  
<https://doi.org/10.17576/malim-2019-2001-06>
- Wardrope, W. J. (2015). *Service* 1. 60–72.